



Yuserrie bersama Mimi Sakinah membantu kanak-kanak memilih pakaian dan kelengkapan untuk menyambut Aidilfitri di Kuantan, semalam.

Ceria dapat baju baharu

→ UMP rai kanak-kanak asnaf buat persiapan sambut Aidilfitri

BERITA HARIAN (NASIONAL) 22 JUN 2017 CUHAMIS) M/S 4

Oleh Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

Keceriaan terpancar pada wajah 43 kanak-kanak asnaf apabila dapat memilih sendiri baju raya untuk menyambut Aidilfitri di sebuah pusat beli-belah di sini, semalam.

Kanak-kanak berkenaan dipilih dari 19 keluarga kurang berkemampuan yang diraikan oleh **Universiti Malaysia Pahang**

(UMP) dengan kerjasama Persatuan Wanita UMP.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin dan Presiden Persatuan Wanita UMP, Prof Dr Mimi Sakinah Abdul Munson turut sama membantu mereka memilih pakaian.

Penduduk harga

Halijah Tawil, 70, dari Kampung Serum Dalam, Nenasi, Pekan, berterima kasih kepada UMP kerana memilih cucunya, Hamidah Mohd Ali, 3, menerima

bantuan itu.

Suri rumah, Noriah Ibrahim, 33, pula berkata, sumbangan berkenaan meringankan beban kewangannya yang belum sempat membeli kelengkapan hari raya untuk tiga anak berumur 5, 9 dan 11 tahun.

Sementara itu, Yuserrie berkata, semua 43 penerima bantuan berkenaan, iaitu inisiatif kesinambungan program Ziarah Kampung yang dilancarkan universiti terbahit sebelum ini, adalah dari kawasan Nenasi, Kuala Pahang dan Kuantan.